

Headline	FRIM kenal pasti herba rawat diabetes		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	14 May 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	241 cm²
Journalist	MARLINDA MARDZUKI		
Frequency	Daily	AdValue	RM 548
		PR Value	RM 1,643



FRIM kenal pasti herba rawat diabetes

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Isnin — Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengenal pasti empat jenis tumbuhan hutan yang digunakan oleh suku kaum Semelai untuk merawat penyakit diabetes.

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Operasi FRIM Dr Norini Haron berkata, pihaknya berjaya melakukan penemuan terbaru itu ketika melaksanakan projek mendokumentasikan pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli dari Semenanjung Malaysia.

“Pada mulanya FRIM memilih 10 jenis tumbuhan hutan untuk dikaji dan hasil daripada penyelidikan itu, kita mendapati empat jenis tumbuhan hutan yang sering digunakan oleh suku kaum Semelai dari Tasik Beru, Pahang dalam rawatan perubatan tradisional berpotensi untuk dikomersialkan.

“Untuk itu, disebabkan kelebihan yang ada pada tumbuhan ini dalam merawat penyakit diabetes, kita sedang berusaha untuk menghasilkan prototaip bagi empat jenis tumbuhan tersebut agar dapat dikomersialkan dan dikongsi nikmatnya bersama seluruh rakyat Malaysia pada tahun ini,” katanya.

Tambahnya, pada ketika ini, FRIM dalam usaha mencari rakan kongsi untuk mengkomersialkan tumbuhan tersebut.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Simposium Kebangsaan Konservansi” Melestari Khazanah Warisan Negara” 2013 di sini, hari ini.

Sementara itu, Norini memberitahu sehingga hari ini, FRIM berjaya membukukan pengetahuan tradisi sebanyak 13 suku kaum masyarakat orang asli dari Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, projek yang dilaksanakan oleh FRIM itu adalah projek Rancangan

Malaysia Kesembilan (RMK-9) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Malaysia.

“Sejak tahun 2007, kita telah berjaya mendokumentasikan 11 suku kaum orang Asli manakala dua lagi sub etnik adalah pada tahun ini.

“Manakala pada tahun hadapan, kita dijangka membukukan pengetahuan tradisi dari pada dua sub etnik dari kaum tersebut,” katanya.

Ini bermakna, katanya, dari pada 18 sub etnik masyarakat orang asli yang ada di Semenanjung Malaysia, FRIM berjaya mendokumentasikan sebanyak 15 sub etnik daripada kaum tersebut.

“Untuk sub etnik yang sebelumnya, kita berasa pengetahuan kaum ini tidak dapat dibukukan kerana mendapat mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang perubatan daripada tanaman hutan,” jelasnya.

Dalam perkembangan sama,

Norini menjelaskan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merancang untuk turut melaksanakan projek mendokumentasi terhadap pengetahuan tradisional orang Melayu.

Katanya, usaha itu wajar dilakukan oleh kerana pengetahuan yang ada pada sesuatu kaum itu merupakan khazanah yang sangat berharga untuk generasi masa hadapan.

“Rancangan yang bertujuan membukukan pengetahuan tradisi orang Melayu ini merupakan langkah untuk mengkhanakan warisan di samping mengkomersialkannya menjadi produk yang boleh mendatangkan kebaikan bersama,” ujarnya.

Turut hadir, Datuk Bandar Dewan Bandar Raya Kuching Utara (DBRU), Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaaga Pelancongan Sarawak (STB), Datuk Rashid Khan.